

05/01/2000

Ceramah politik cemari tarawih

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemuda Umno menyelar tindakan pihak tertentu yang mengambil kesempatan menyelitkan kegiatan politik dalam ibadat puasa ketika sembahyang sunat tarawih.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Hal Ehwal Agama, Abdul Wahad Din berkata, tindakan pihak berkenaan seperti yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan saja mencemarkan kesucian Ramadan malah boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan umat Islam.

Katanya, pendedahan Perdana Menteri itu bukan gimik politik yang mahu memburuk pihak tertentu sebaliknya lebih kepada sikap tanggungjawab seorang pemimpin untuk keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

"Pemuda Umno mempunyai bukti kukuh mengenai kebenaran ceramah politik ketika sembahyang tarawih dan ianya bukanlah satu tuduhan liar seperti yang sering dilakukan oleh pemimpin parti pembangkang.

"Kami (Pemuda) berjaya merakamkan salah satu ceramah agama berunsur politik yang disampaikan ketika di antara empat rakaat solat tarawih di masjid sekitar Ampang," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, hari ini.

Beliau berkata, perkara itu sudah pun dilaporkan kepada Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan pita rakam ceramah akan diserahkan dalam waktu yang terdekat.

"Semua bahan bukti akan dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti untuk tindakan susulan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Wahab berkata Pemuda akan membentuk jawatankuasa kerja dengan kerjasama Majlis Penerangan Pemuda untuk memantau kejadian seumpama itu di masjid sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Beliau yang turut menasihatkan umat Islam supaya tidak terpengaruh dan terpedaya dengan dakwah pihak tertentu itu berkata: "Pihak berkenaan bertindak tanpa mengambil kira perpaduan umat dan kesucian agama Islam itu sendiri."

(END)